

## BELANJAWAN 2025: MEMACU PEMBAHARUAN EKONOMI MAMPAAN DAN EKUITI SOSIAL

**KUALA LUMPUR, Jumaat, [18 Oktober 2024]:** Bank Islam Malaysia Berhad (Bank Islam) menyambut baik Belanjawan 2025 sebagai satu langkah memacu pertumbuhan insklusif, tanggungjawab fiskal, dan keadilan sosial. Belanjawan ini mengukuhkan lagi komitmen kerajaan dalam usaha pembangunan mampan di samping memastikan kesaksamaan untuk semua.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Bank Islam, Dato' Mohd Muazzam Mohamed berkata, langkah utama yang diambil termasuk perbelanjaan pembangunan yang kukuh sebanyak RM86 bilion bagi mengurangkan defisit fiskal kepada 3.8% pada tahun hadapan.

"Komitmen kerajaan untuk mempergiatkan usaha menentang penipuan dalam talian, dengan peruntukan RM20 juta kepada Pusat Respons Scam Kebangsaan (NSRC) dan pelancaran Portal Fraud Kebangsaan, merupakan langkah penting ke arah memperkuat keselamatan digital. Bank Islam menjangkakan 50% pengurangan kerugian akibat penipuan menjelang akhir tahun 2024, hasil daripada langkah pencegahan penipuan oleh Bank Negara Malaysia.

"Kami menyokong dana RM100 juta kerajaan untuk memacu inovasi dalam kewangan Islam. Ini akan membantu mencipta produk berdasarkan prinsip Islam yang sebenar, seperti musharakah (perkongsian risiko) dan pengagihan keuntungan yang saksama, di luar penawaran patuh Syariah biasa. Ia juga selaras dengan fokus Bank Islam terhadap kewangan mampan," beliau berkata.

Mohd Muazzam menekankan bahawa sebagai institusi kewangan Islam yang memberikan perkhidmatan kepada masyarakat selama 41 tahun dengan amanah, inovasi, dan dedikasi; Bank Islam teruja dengan sokongan berterusan kerajaan terhadap inisiatif iTEKAD. Peruntukan RM20 juta geran padanan dengan RM5 juta yang dikhususkan untuk caruman insurans atau takaful untuk usahawan mikro, mengukuhkan lagi usaha kami untuk meningkatkan dan memperkasakan segmen ekonomi yang penting ini.

"Setakat ini, Bank Islam telah menyediakan RM30.18 juta dalam bentuk dana, pembiayaan mikro, dan geran iTEKAD kepada 1,590 usahawan yang layak, membantu mereka membina perniagaan yang mampan.

"Kami percaya bahawa inisiatif Belanjawan 2025 yang dicadangkan ini bukan sahaja akan menangani cabaran ekonomi dan fiskal utama, malah meletakkan asas untuk kemampanan jangka panjang ekonomi Malaysia. Ini mencerminkan komitmen untuk

memupuk kemakmuran bagi semua rakyat Malaysia, memastikan tiada yang ketinggalan dalam perjalanan menuju masa depan lebih saksama yang berkembang maju melalui keterangkuman dan kejayaan bersama,” Mohd Muazzam menyimpulkan.

---

**Mengenai Bank Islam Malaysia Berhad (No. Pendaftaran Syarikat [198301002944(98127-X)])**

Bank Islam adalah institusi perbankan Islam pertama di Malaysia yang disenaraikan di Papan Utama, Bursa Malaysia Berhad. Ditubuhkan pada bulan Julai 1983, Bank Islam mempunyai 135 cawangan dan lebih 900 terminal layan diri di seluruh negara. Sebagai institusi perbankan Islam lengkap dan tulen, Bank Islam menyediakan penyelesaian perbankan runcit dan kewangan korporat yang mematuhi undang-undang dan prinsip Syariah dengan ketat. Bank Islam komited terhadap kemakmuran lestari dan nilai-nilai ESG dan merupakan peserta rasmi Rangkaian Kompak Global Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Malaysia dan Brunei. Anak-anak syarikat utama Kumpulan Bank Islam, BIMB Investment dan BIMB Securities menawarkan pelbagai perkhidmatan kewangan Islam, termasuk pelaburan dan pembrokeran saham. Untuk maklumat lanjut mengenai produk dan perkhidmatan kumpulan Bank Islam, layari [www.bankislam.com](http://www.bankislam.com).

Sila emel ke Hubungan Media Kumpulan Bank Islam di [media@bankislam.com.my](mailto:media@bankislam.com.my) untuk mendapatkan maklumat tambahan.